

# Lebuhraya hubungkan Malaysia-Brunei dibina

BH - 25/8/2006

## Negara jiran setuju benar penduduk Sabah masuk tanpa pasport

Oleh Zulkofli Jamaludin  
dan Nazura Ngah

**C**HUKAI: Malaysia dan Brunei semalam bersetuju membina Lebuhraya Trans Borneo bagi menghubungkan Kuching di Sarawak, Brunei dan Sabah, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Persetujuan membina lebuhraya bagi meningkatkan jalinan hubungan antara rakyat Malaysia-Brunei itu dicapai hasil pertemuan empat mata antara Perdana Menteri dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkihah.

"Ini satu infrastruktur yang sangat baik kerana dapat menjalinkan hubungan antara rakyat, satu kemudahan yang diperlukan dan jalan ini melalui Kuching, Brunei dan Sabah,

"Mungkin satu hari nanti satu lebuhraya dari barat ke timur, utara dan turun ke bawah untuk pergi ke Kalimantan, itu projek yang boleh difikirkan kemudian dan tidak semestinya dilaksanakan sekarang," katanya pada sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan Sultan Hassanal Bolkihah sejurus Rundingan Tahunan Malaysia-Brunei ke-10, di sini.

Kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan hampir sejam bermula jam 3 petang, disusuli malam tadi Abdullah meraikan Sultan Brunei pada majlis jamuan makan malam.

Difahamkan rakyat kedua-dua negara kini menggunakan Jalan Trans Borneo menghubungkan Tawau di Sabah, Brunei, Sarawak hingga ke

Pontianak, di Kalimantan sepanjang 2,300 kilometer.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara juga bersetuju memudahkan perjalanan penduduk Sabah ke Brunei tanpa menggunakan pasport seperti dinikmati penduduk

**“Ini satu infrastruktur yang sangat baik kerana dapat menjalinkan hubungan antara rakyat”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

Sarawak sekarang.

Katanya, Sultan Hassanal Bolkihah bersetuju dengan perkara dan perbincangan sudah dimulakan dengan Malaysia berharap dapat menghasilkan apa yang dihasratkan itu.

Abdullah berkata, perbincangan dua hala berjalan dalam jalinan persahabatan yang baik dan berharap kerjasama itu diperluaskan dalam pelbagai bidang, termasuk pertukaran pegawai dan lawatan sambil belajar.

"Saya juga menawarkan kepada Sultan Hassanal Bolkihah bahawa Malaysia sedia menerima pegawai Brunei untuk mengikuti kursus dan melihat pendekatan pembangunan yang sedang dibangunkan terutama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," katanya.